

Tuliskan jawapan di ruang yang disediakan.

Seronoknya Keluarga Amar

bidang	gugus	batang	ekor	kawan	gumpal	biji
ketul	batang	ikat	sikat	potong	buah	utas

Keluarga Amar sering melakukan aktiviti rekreasi pada hujung minggu dan musim cuti sekolah. Baru-baru ini, mereka berkunjung ke Hutan Lipur Lata Bayu Baling, Kedah.

Encik Zakaria memandu keretanya melalui se_____ jalan kampung. Terdapat se _____ rumah tradisional Melayu di kawasan itu. Encik Zakaria meneruskan pemanduannya. Se_____ jam tangan berwarna putih itu merupakan hadiah pemberian isterinya. Beliau memandu kereta dengan berhati-hati melalui jalan yang sunyi.

Di tepi jalan itu terdapat beberapa _____ pohon kayu yang rendah. Beberapa _____ monyet kelihatan di kawasan itu. Cuaca pada hari itu amat baik. Kelihatan beberapa _____ burung sedang terbang. Beberapa _____ awan putih menghiasi ruang langit yang biru. Amar sekeluarga bergambar di hadapan pintu masuk ke Hutan Lipur Lata Bayu.

Setelah tiba di kawasan perkemahan, ibu Amar membentangkan se _____ tikar mengkuang. Kemudian, beliau pun menghidangkan bekal makanan yang dibawa. Beliau meletakkan se_____ buah langsung, se_____ buah rambutan, se_____ pisang, dan beberapa _____ kek. Beberapa _____ gelas pula diletakkan di sekeliling makanan tu.

Selepas itu, beliau memasukkan beberapa _____ ais ke dalam jag yang berisi minuman. Setelah menikmati hidangan yang enak, Amar sekeluarga bermandi-manda dengan gembiranya.

Perkemahan tersebut bukan sahaja menggembirakan tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Amar dan Irfan berasa sungguh seronok kerana dapat beriadah bersama-sama dengan keluarga.